

Ruj. Kami : (79)dlm.PTG.Sel.  
32 Pt.2 (Semt)  
Tarikh :24hb. Julai, 1992

Pentadbir Tanah Daerah :

Petaling  
Klang  
Hulu Langat  
Gombak  
Kuala Selangor  
Hulu Selangor  
Kuala Langat  
Sabak Bernam  
Sepang

Tuan,

**Pekeliling PTG. Bil.3/92**

Pindaan terhadap kesalahan kecil dalam butir-butir peribadi dan perbezaan yang sedikit dalam saiz tanah bagi permohonan tanah yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan diturunkan kuasa pembedulannya kepada Pentadbir Tanah Daerah.

Adalah dengan hormatnya dimaklumkan iaitu sejak kebelakangan ini beberapa daerah sering menghantar ke Pejabat ini permohonan untuk membetulkan ejaan nama, No. Kad Pengenalan dan lain-lain kesalahan kecil butir-butir peribadi bagi tanah yang telah diluluskan pembermilikannya untuk dibawa semula ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Kes yang sama juga diterima bagi pembedulan ke atas sedikit perbezaan tentang saiz tanah. Perbezaan seperti ini biasanya berlaku kerana perkiraan yang kurang tepat oleh Pejabat Tanah itu sendiri atau kerana adanya kawasan simpanan/rizab laluan atau lain-lain kegunaan awam yang telah tidak dibuat kiraan atau telah dibuat kiraan yang kurang tepat. Biasanya perbezaan yang terlibat adalah dalam lingkungan .

2. Oleh itu pembedulan tersebut selalunya hanya melibatkan pindaan kecil yang mana sepatutnya tidak berlaku andainya penyemakan dibuat dengan teliti di peringkat Daerah. Perkara ini dianggap agak 'remeh' untuk dibawa semula ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang semata-mata bertujuan untuk pembedulan sahaja. Oleh itu pejabat ini mendapati bahawa pembedulan seperti diatas adalah wajar diperturunkan kepada Pentadbir Tanah Daerah yang berkenaan. Langkah ini adalah selari dengan peruntukan Seksyen 380(1)(a)

Kanun Tanah Negara yang telah memberikan kuasa bagi kes yang hamper seperti ini kepada Pentadbir Tanah Daerah/Pendaftar Hakmilik bagi dibuat pembedulan di surat hakmilik yang terlibat.

3. Memandangkan kepada perkara tersebut, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri didalam Persidangannya Bil.19/92 pada 3hb. Jun 1992 telah memutuskan seperti berikut :-

3.1 Butir-butir peribadi

Pembedulan ejaan nama, No. Kad Pengenalan dan lain-lain kesilapan kecil bagi pemohon yang telah diberi kelulusan yang boleh dianggap sebagai kesilapan menaip/tersalah pandang.

3.2 Perbezaan saiz tanah yang telah diluluskan

Pembedulan kepada kesilapan kecil bagi saiz kerana perkiraan yang kurang tepat oleh Pejabat Tanah itu sendiri yang mana bentuk/tatatur pelan asal tidak berubah atau kerana adanya kawasan simpanan/rizab laluan atau lain-lain kegunaan awam yang di dalam kiraan yang lalu belum dikira sama atau perkiraannya kurang tepat, maka berpandukan kepada kategori kegunaan tanah dan luas setiap plot yang telah diluluskan yang kadar bezanya di dalam lingkungan :-

<u>Kategori</u>	<u>Luas</u>	<u>Kadar Perbezaan</u>
(a) Pertanian	Tidak lebih 5 ekar	5%
	Tidak lebih 50 ekar	3%
	Tidak lebih 100 ekar	2%
(b) Bangunan	Tidak lebih 5,000 k.p	5%
	Tidak lebih 10,000 k.p	3%
(c) Perindustrian	Tidak lebih 5 ekar	5%
	Tidak lebih 50 ekar	3%
	Tidak lebih 100 ekar	2%

Maka berpandukan kepada Seksyen 76 Kanun Tanah Negara adalah diturunkan kuasa pembedulannya kepada Pentadbir Tanah Daerah yang berkenaan.

4. Apabila didapati pembedaan seperti di atas perlu dibuat, maka satu laporan lengkap mengenainya hendaklah disediakan difail yang berkenaan dan Pentadbir Tanah Daerah setelah mengkaji laporan itu dan berpuashati bahawa kesilapan yang berkenaan adalah yang sebenarnya, maka Pentadbir Tanah Daerah bolehlah membuat kelulusan yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

T.T

**(HAJI IDRIS BIN DENAN)**

Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor Darul Ehsan.

s.k. Pengarah Tanah dan Galian Selangor.  
Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Selangor.  
Penolong Pengarah Tanah dan Galian 1, 11 dan 111  
Penolong Pendaftar Hakmilik Negeri Selangor.  
PTG.Sel.(r)675 Jld. 1